

Muktamar PAS terima keputusan Datuk Asri

KUALA LUMPUR, Ahad — Muktamar PAS menerima perletakan jawatan Datuk Haji Mohamad Asri Haji Muda selaku Yang Dipertua Agung parti dan hanya mengucapkan terima kasih kepada tokoh politik veteran itu.

Tidak timbul sebarang usul mendesak atau meminta Datuk Haji Mohamad Asri kembali semula memimpin PAS seperti yang berlaku dalam muktamar sebelum ini.

Perwakilan PAS yang bersama menghadiri muktamar hari akhir di Dewan Bahasa dan Pustaka hari ini.

Datuk Asri semalam mengumumkan perletakan jawatannya secara mengejut, ekoran keputusan Jawatankuasa Agung parti menolak ucapan dasarnya.

Seorang perwakilan PAS berkata, ucapan dasar Datuk Asri semalam memarahkan perwakilan dan "dengan itu simpati terhadap beliau dengan sendiri tidak ada."

Bagaimanapun, Dewan Muslimat PAS dalam ucapan penangguhannya membela Datuk Haji Asri dan menuduh "semacam rupa pakatan dari awal untuk menumbangkan Datuk, Haji Asri."

Sambil menganggap perletakan jawatan tersebut sebagai luar biasa wakil Muslimat itu mendakwa ia memang dirancang dari awal memandangkan perwakilan mengucapkan "Allah-Akhbar" sebaik sahaja Setiausaha Agung PAS, Datuk Abu Bakar Umar membaca surat perletakan jawatan tersebut.

Wakil Dewan Muslimat juga mengkritik sikap setengah perwakilan yang menghalang wakil Muslimat dari berucap dengan alasan "haram".

"Perbuatan seperti ini tidak wajar memandangkan peranan muslimat dalam perkembangan parti adalah besar terutama dalam pilihanraya," tegasnya.

Wakil Dewan Ulama pula memberi amaran bahawa ketiadaan Datuk Haji Asri memimpin parti sudah tentu "ada orang lain yang memungutnya kelak."

Ini, katanya, berlaku terhadap Datuk Haji Mohamad Nasir yang mana ada orang lain yang memungutnya bila beliau disingkir dari PAS.

Bagaimanapun, tegas beliau, jika perkara itu berlaku maka sudah tentu usaha-usaha kita untuk membina Islam akan ada pula orang lain yang meruntuhnya.

Belliau mengingatkan Jawatankuasa Agung PAS bahawa Dewan Ulama akan menyokong mereka jika tidak menyeleweng dari prinsip perjuangan Islam.